



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Subject Code & Name : **MPU3212 Bahasa Kebangsaan A**
 Semester & Year : September - December 2016
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 PART A (30 marks) : 30 multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 **PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Kefahaman dan Tatabahasa
 SOALAN 2 – Karangan (Pilih SATU (1) sahaja)**
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College of Hospitality regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College of Hospitality.

Total Number of pages = 12 (Including the cover page)

BAHAGIAN B

SOALAN 1 : **SOALAN SUBJEKTIF (40 MARKAH)**
ARAHAN : Jawab semua soalan di bawah ini.

PEMAHAMAN TEKS

Petikan (i)

Pemanasan Global

Pemanasan global atau pemanasan sejagat berkaitan dengan peningkatan suhu dunia. Suhu bumi telah meningkat dua darjah dan kadarnya berbeza mengikut benua dan kawasan tertentu. Kajian mendapati 98 % punca pemanasan global ialah pelepasan karbon dioksida akibat pembakaran bahan bakar fosil yang telah dilakukan sejak abad ke-18. Perubahan penggunaan tanah menyumbang 30 peratus pelepasan karbon dioksida. Enam bilion penduduk dunia kini menggunakan sumber asli bumi secara berlebihan dan tidak terkawal. Jika pemanasan global berterusan, manusia dan tamadunnya akan pupus sebagaimana pupusnya dinosaur. Ramalan saintis menunjukkan peningkatan 7.0 meter paras laut, kawasan rendah seperti Kuala Muda (Kedah) dan Kelantan akan ditenggelami air. Keadaan monsun akan bertukar sama sekali kerana kita akan menerima lebih banyak hujan sewaktu monsun timur laut, yang bermakna lebih banyak kejadian banjir. Kesedaran rakyat Malaysia dan amnya masyarakat dunia sukar ditingkatkan. Bukan semua rakyat Malaysia tidak prihatin kepada isu-isu alam sekitar. Kejadian gempa bumi 26 Disember 2004 dan banjir besar di Johor adalah pengajaran terbaik. Mendidik bukanlah untuk membuat mereka cemas tetapi meminta mereka bertindak secara betul dan tepat. Tenaga alternatif seperti tenaga nuklear dan suria sebagai alternatif yang berdaya maju. Malaysia perlu meneroka dan mempelajari sendiri tenaga nuklear sebagaimana Korea dan Jepun. Malaysia menerima 300 hingga 400 watt satu meter persegi cahaya matahari.

(Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Pemanasan_global)

1. Berikan definisi pemanasan global. **(2 markah)**
2. Jelaskan punca berlakunya pemanasan global. **(2 markah)**
3. Huraikan kesan pemanasan global kepada Malaysia. **(2 markah)**
4. Apakah tujuan pendidikan tentang pemanasan global diberikan kepada masyarakat? **(2 markah)**
5. Apakah tenaga alternatif yang sesuai digunakan untuk menangani pemanasan global di Malaysia? **(2 markah)**

Petikan (ii)

Pantun budi

Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi sedikit rasa nak junjung.

Pulau pandan jauh ke tengah,
Gunung daik bercabang tiga;
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang jua.

Pisang emas bawa belayar,
Masa sebiji di atas peti;
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.

Tanam serai tanam halia,
Tanam juga pokok sengkung;
Orang berbudi disanjung mulia,
Hutang budi dibawa mati.

Kalau ada jarum yang patah,
Jangan disimpan di dalam peti;
Kalau ada silap dan salah,
Jangan disimpan di dalam hati.

1. Apakah maksud rangkap 2 dan rangkap 3? **(2 markah)**
2. Huraikan dua (2) nilai yang terdapat dalam pantun budi. **(2 markah)**
3. Senaraikan tiga (3) gaya bahasa berserta contoh yang terdapat dalam pantun budi. **(6 markah)**

TATABAHASA

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.

a) Sila isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang betul.

- i. _____ ilmu bahasa Melayu dengan ilmu matematik ada perbezaannya.
- ii. Buku teks sekolah itu dibeli _____ ayah saya.
- iii. Ayah membeli baju _____ ibu.
- iv. Mereka membaca buku _____ dinihari.
- v. Abu bercerita _____ aktiviti perkelahannya di air terjun kepada Ahmad.
- vi. Dia menyambut tetamunya _____ senyuman yang manis.
- vii. Saya tidak terlibat _____ urusan mereka.
- viii. Tumbukan peninju itu pantas _____ kilat.
- ix. Ali mengulang kaji pelajarannya _____ tengah malam.
- x. Tanamilah sikap sayang _____ binatang.

(10 markah)

b) Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu kesalahan ejaan** dan **satu kesalahan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula. Jawapan hendaklah ditulis di kertas jawapan.

i) Semasa berada di peringkat pra-sekolah, kanak-kanak diberikan dedahan awal tentang alam persekolahan.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

ii) Disamping beriadah, kita perlu mengambil makanan seimbang bagi memastikan kesihatan terjamin.

Kesalahan ejaan : _____
Kesalahan imbuhan : _____

iii) Kempen anti-dadah peringkat kebangsaan yang dilancar oleh kerajaan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

iv) Hasil kajian tentang kualiti alam sekitar itu perlu dianalisa sebelum laporan perincian dibuat.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

v) Malaysia mampu memajukan bidang eko-pelancongan kerana mengayakan sumber alam semula jadinya.

Kesalahan ejaan : _____

Kesalahan imbuhan : _____

(10 markah)

SOALAN 2
ARAHAN

: SOALAN ESEI (30 MARKAH)

: Bahagian ini terdiri daripada SATU (1) bahagian yang wajib dijawab.

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 450 patah perkataan**.

1. Kaedah pemakanan dan cara hidup akan menyebabkan individu tersebut tidak dapat menjalani kehidupan dengan sempurna. Bincangkan kesan amalan pemakanan dan gaya hidup tidak sihat kepada individu.
2. Kadar kemalangan maut semakin meningkat saban tahun. Huraikan faktor penyebab berlakunya kemalangan maut di Malaysia.
3. Kemerosotan pencapaian atlet-atlet negara ketika bertanding sama ada pada peringkat serantau mahupun antarabangsa telah menimbulkan pelbagai tanggapan negatif dalam kalangan peminat sukan di negara ini. Bincangkan langkah-langkah yang wajar diambil bagi meningkatkan mutu sukan negara.

(30 markah)

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT